

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA** : **DATUK LIANG TECK MENG**  
**[ SIMPANG RENGAM ]**

**SOALAN** : **Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kesimpulan secara keseluruhan (*end result*) bagi persidangan ASEAN 2015, di mana Malaysia menjadi pengerusi persidangan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Simpong Renggam atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya, Malaysia telah berjaya menggalas tugasnya dengan cemerlang sebagai pengerusi ASEAN pada tahun 2015. Sepanjang tahun lepas, kita telah menganjurkan pelbagai aktiviti dan mesyuarat di bawah tema "ASEAN Berpaksikan Rakyat", yang merupakan tunjang kepengerusian kita. Pemimpin-pemimpin ASEAN telah mengadakan perbincangan dan juga pertemuan dengan pelbagai sektor masyarakat dalam ASEAN seperti ahli parlimen, komuniti perniagaan, belia dan juga organisasi masyarakat madani, atau dengan izin *civil society organisation*. Malaysia juga telah mempengerusikan pelbagai mesyuarat ASEAN, baik di peringkat ketiga-tiga tonggak Komuniti ASEAN iaitu Politik-Keselamatan, Ekonomi dan Sosio-Budaya mahupun sektoral bagi membincangkan isu-isu berkenaan ASEAN dan juga pembinaan Komuniti ASEAN.

3. Selain itu, sepanjang tahun 2015, ASEAN juga telah memuktamadkan beberapa pelan tindakan, mengusulkan kenyataan-kenyataan dalam pelbagai bidang dan menerima pakai deklarasi berhubung isu berkepentingan bersama di bawah ketiga-tiga tonggak Komuniti ASEAN. Kesemua usaha-usaha ini secara prinsipnya menekankan komitmen ASEAN untuk terus bekerjasama bagi mengekalkan keamanan, kestabilan dan keharmonian di rantau ini.

4. Paling penting sekali, di bawah pimpinan Malaysia, kesemua sepuluh pemimpin ASEAN telah menandatangani Deklarasi Kuala Lumpur 2015 yang menzahirkan Penubuhan Komuniti ASEAN dan juga Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai ASEAN 2025: Bersama Maju ke Hadapan yang merupakan pelan tindakan penting untuk mencorak hala tuju ASEAN untuk sepuluh tahun ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Penubuhan Komuniti ASEAN itu sendiri adalah satu mercu tanda betapa jauhnya perjalanan ASEAN semenjak penubuhannya pada tahun 1967. Melalui pembentukan Komuniti ASEAN ini, ASEAN di harap akan lebih bersatu dan terus bersama dalam menghadapi cabaran yang mendatang dalam usaha memelihara keamanan dan memperkasakan ekonomi demi kesejahteraan kesemua penduduk ASEAN.

Sekian, terima kasih.

108  
No. Soalan : ~~109~~  
PR-1341-T73147

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA** : **DATUK LIANG TECK MENG**  
**[ SIMPANG RENGAM ]**

**SOALAN** : **Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan terkini Malaysia sebagai ahli tidak tetap (non-permanent member) dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

## **JAWAPAN**

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Simpong Renggam atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sejak 1 Januari 2015 sehingga hari ini, Majlis Keselamatan PBB telah meluluskan 70 resolusi, 26 kenyataan presiden dan 149 kenyataan akhbar. Secara amnya, Malaysia telah mengambil bahagian dan menyumbang secara substantif dalam sesi-sesi rundingan dokumen-dokumen tersebut. Penglibatan Malaysia dalam Majlis tersebut adalah bagi memastikan pendirian negara berhubung isu-isu berkaitan dapat dipelihara dan diketengahkan sewajarnya.

3. Di samping itu, Malaysia sehingga kini telah turut menghadiri sembilan sesi debat terbuka di peringkat tinggi. Pembabitan Malaysia di peringkat tertinggi mencerminkan keprihatinan dan komitmen negara dalam menangani isu-isu keselamatan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Malaysia merupakan Presiden Majlis Keselamatan pada bulan Jun 2015. Dalam menjalankan tanggungjawab tersebut, Malaysia telah berjaya mengetengahkan inisiatif-inisiatif yang memberi tumpuan kepada isu-isu kanak-kanak dan konflik bersenjata, pembinaan keamanan, misi

pengaman PBB, dan perubahan iklim. Antara pencapaian-pencapaian Malaysia selaku Presiden adalah:

- (i) memperkukuhkan mekanisme menangani penculikan kanak-kanak dalam situasi konflik bersenjata melalui Resolusi 2225 yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan secara sebulat suara. Resolusi 2225 telah dibentangkan oleh Malaysia. Resolusi tersebut turut ditaja bersama oleh 56 buah negara anggota PBB;
- (ii) menyatukan pandangan negara-negara terlibat dalam menggesa supaya dipertingkatkan kerjasama dan penyelarasan di antara Suruhanjaya Pembangunan Keamanan dan Majlis Keselamatan memandangkan Majlis adalah bertanggungjawab dalam mewujudkan sesuatu misi pengaman dan menetapkan mandat misi berkenaan; dan
- (iii) meningkatkan kesedaran berhubung ancaman berganda perubahan iklim terhadap keamanan dan keselamatan antarabangsa.

5. Secara amnya, inisiatif-inisiatif yang diketengahkan Malaysia selaku Presiden Majlis Keselamatan disambut baik oleh negara-negara anggota PBB yang lain. Semasa Sesi Rumusan pada 30 Jun 2015, anggota Majlis yang lain telah memberi maklum balas positif terhadap peranan Malaysia selaku Presiden Majlis Keselamatan bagi bulan Jun 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Sejar dengan pendirian Malaysia berhubung Palestin, pada 20 Julai 2015, Malaysia telah mempengerusikan, secara bersama dengan Jordan, satu mesyuarat tidak rasmi mengenai situasi di Gaza. Secara dasarnya, negara-negara anggota PBB, termasuk anggota Majlis Keselamatan, dan pelbagai organisasi antarabangsa yang mengambil bahagian di dalam mesyuarat tersebut berpandangan masyarakat antarabangsa, terutamanya Majlis Keselamatan, perlu mengambil tindakan segera untuk membaik pulih keadaan di Gaza dan membangunkan semula Gaza.

7. Selaku ahli tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Malaysia terus melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai mesyuarat Majlis. Malaysia juga akan terus memainkan peranan dan menegakkan pendirian negara dalam menggalakkan penyelesaian konflik secara aman, terang-kum dan menyeluruh dengan pendekatan berdialog dan kesederhanaan.

Sekian, terima kasih.